

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/19\_16 (HQ)

### USAHA BERSAMA TNB-SUNWAY MEMPERLUAS PENYELESAIAN TENAGA LESTARI DI MALAYSIA, MEMBUKA JALAN KERJASAMA MASA DEPAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dan **Kumpulan Sunway (Sunway)** memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memacu bersama agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan mewujudkan nilai perniagaan yang mampan dan meneroka peluang kerjasama dalam mempromosikan penyelesaian peralihan tenaga, mempercepatkan bisnes tenaga bersih serta membangunkan keupayaan ESG.

Ia ditandatangani pada 17 Mac 2023 di Menara Platinum TNB di Kuala Lumpur. Mewakili Kumpulan Sunway ialah Pengasas dan Pengerusi, Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah dan Presiden, Tan Sri Dato' Dr. Chew Chee Kin. TNB diwakili oleh Dato' Indera Ir. Baharin Din, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, dan Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Berucap pada majlis menandatangani perjanjian tersebut, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, "Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan Kumpulan Sunway untuk memacu amalan perniagaan yang mampan dan mempercepatkan peralihan tenaga. Ini adalah langkah penting bagi kami dalam usaha mempromosikan penyelesaian tenaga mampan di negara ini ke arah mencapai matlamat ESG kami. Kami bersama-sama boleh mencipta masa depan lebih mampan untuk masyarakat dan membantu mengurangkan jejak karbon demi mewujudkan masa depan lebih baik untuk semua."

"Di TNB, kami komited untuk memacu Peralihan Tenaga negara melalui aspirasi pelepasan Sifar Bersih dan menyokong Malaysia mencapai sasaran neutral karbon menjelang 2050. Dalam usaha untuk mempercepatkan pelan peralihan tenaga yang bertanggungjawab ini, kami meneruskan pelaburan besar Grid Masa Depan; mempercepatkan penyahkarbonan portfolio penjanaan, TNB Genco; memperluaskan pasaran tumpuan untuk mengembangkan portfolio Tenaga Boleh Baharu (TBB); dan memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem kenderaan elektrik," tambah Dato' Indera Ir. Baharin Din.

Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah berkata, "Kami gembira dapat bekerjasama dengan TNB, peneraju dalam sektor tenaga dalam meluaskan agenda pembangunan mampan dan mencipta nilai jangka panjang untuk pemegang kepentingan kami. Perkongsian ini mengukuhkan komitmen bersama kami ke arah peralihan tenaga bersih dan ekonomi neutral karbon. Selepas memperkenalkan rangka kerja penetapan karbon untuk merangsang usaha penyahkarbonan dalam Kumpulan tahun lalu, kami berikrar untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, melalui langkah seterusnya

dengan pelancaran program pajakan hijau untuk menangani pelepasan Skop 3 pada tahun ini. Kami amat percaya bahawa kemampuan dan keuntungan boleh berjalan seiring.”

Di bawah MoU itu, kedua-dua TNB dan Sunway akan bekerjasama untuk membangunkan inisiatif bersama dan meneroka peluang baharu dalam skop penyelesaian peralihan tenaga, perniagaan tenaga bersih dan keupayaan ESG. Di bawah tiga (3) skop ini, bidang potensi kerjasama meliputi antara lain, pembangunan pusat data, penggunaan solar fotovoltai, penyediaan daerah dan infrastruktur kenderaan elektrik dalam hartanah Sunway, pengeluaran TBB, penyelesaian digital berkaitan tenaga, pengupayaan tenaga kerja serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) akademik.

Kerjasama yang berjaya dalam mana-mana skop akan membolehkan kedua-dua syarikat mewujudkan nilai perniagaan yang mampan, sambil pada masa sama membantu mereka memenuhi komitmen ESG masing-masing.

Demi mencapai aspirasi neutral karbon menjelang 2050, Malaysia perlu melalui peralihan tenaga yang bertanggungjawab, iaitu perubahan ke arah sumber tenaga rendah dan sifar karbon. Pada masa sama, peralihan tenaga juga perlu berlaku dalam sektor lain termasuk pengangkutan dan perbandaran, melalui usaha seluruh masyarakat.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Mac 2023, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi*

**TNB**

*Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Kumpulan Sunway**

*Ernest Chua 013-397 2758 atau emel kami: [media@sunway.com.my](mailto:media@sunway.com.my)*

## **Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Tenaga Nasional Berhad ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam bidang tenaga boleh baharu (TBB) setakat Disember 2022, TNB mempunyai sebanyak 2,896MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye, dan India yang terdiri daripada penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.6 juta pelanggan.

## **Mengenai Kumpulan Sunway**

Ditubuhkan pada 1974, Kumpulan Sunway ialah salah satu konglomerat terkemuka di Asia Tenggara dengan 13 bahagian perniagaan merentasi lebih 50 lokasi terutamanya di Asia. Ia diperkuatkan oleh 16,000 warga kerja yang komited untuk pembangunan mampan dan kemajuan sosio-ekonomi melalui pelbagai perniagaan termasuk kepentingan teras dalam hartanah, pembinaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, peruncitan, riadah dan hospitaliti.

Sunway komited untuk membangunkan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan terus menyelaraskannya dengan sasaran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sebagai sebahagian daripada strategi korporat dan tanggungjawab sosialnya ke arah memacu kejayaan jangka panjang Kumpulan dan mendalami komitmen pembinaan negara bangsa. Untuk maklumat lanjut, layari [www.sunway.com.my](http://www.sunway.com.my)



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (kiri) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Presiden Kumpulan Sunway, Tan Sri Dato' Dr. Chew Chee Kin (kanan).



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga kiri) menyampaikan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai kepada Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah (tiga kanan). Turut hadir (dari kiri), Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan, Timbalan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Datuk Seri Razman M Hashim, Presiden Kumpulan Sunway, Tan Sri Dato' Dr. Chew Chee Kin, dan Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.